

Najib akan umum terma RCI Sabah Sabtu depan
Malaysian Insider
3 Ogos, 2012
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 3 Ogos — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan mengumumkan terma-terma rujukan bagi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ke atas masalah pendatang haram di Sabah pada Sabtu hadapan.

Pegumuman Najib itu akan akhirnya meletakkan titik noktah kepada penantian selama enam bulan mengenai isu tersebut.

PM mengesahkan hari ini bahawa terma dan syarat untuk suruhanjaya tersebut akan diumumkan apabila bermesyuarat dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) Sabah.

"Saya akan umumkan pada 11 Ogos," katanya kepada wartawan apabila ditanya bila tarikhnya.

"Saya telah berjumpa dengan beberapa pemimpin BN Sabah dan akan bertemu lagi pada 11 haribulan," katanya.

Lawatan PM ke Malaysia Timur itu kebetulan sama dengan ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dijadualkan pada keesokan harinya.

Najib telah mengumumkan RCI Sabah yang telah lama dinantikan pada 1 Jun lalu tetapi tidak menyatakan lebih lanjut mengenai ahli panel serta terma dan syarat.

Isu ini telah mula bermain di media semenjak 10 Februari apabila pemimpin BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok mengumumkan keputusan kabinet untuk menubuhkan RCI.

Masalah pendatang haram di Sabah telah menjadi masalah tertangguh di negeri yang dikuasai BN itu dan sentiasa dijadikan sebab berlakunya masalah sosial, ekonomi dan keselamatan bagi penduduk tempatan.

Menurut jawapan parlimen tahun lalu, populasi Sabah berjumlah 651,304 pada 1970 bertambah ke 929,299 sedekad selepas itu.

Mengikut laporan media, pada 2010, jumlah telah meningkat ke 3.12 juta, dengan orang asing sebanyak 889,799 at 27 peratus daripada populasi.

Pemimpin pembangkang telah lama menyalahkan kerajaan BN kerana peningkatan populasi, dengan menuduh pendatang haram diberikan MyKad dan hak mengundi bagi memastikan BN terus berkuasa.

Isu ini telah menjadi sebab utama mengapa dua pemimpin senior BN, ahli parlimen Tuaran, Datuk Seri Wilfred Mojilip Bumburing dan ahli parlimen Beaufort, Datuk Seri Lajim Ukin meninggalkan gabungan tersebut.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-umum-terma-rci-sabah-sabtu-depan/>